

130 motosikal di depoh simpanan DBKL terbakar

KUALA LUMPUR - Sebanyak 130 buah unit motosikal pelbagai model musnah dalam kebakaran di depoh penyimpanan kenderaan tersadai milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Taman Connaught di sini pada Ahad.

Komander Operasi Pegawai Bomba Kanan (PBK) II, Mohd Hisam Mamat berkata, Pusat Gerakan Operasi (PGO) Kuala Lumpur menerima panggilan kecemasan kebakaran jam 12.33 tengah hari.

Beliau berkata, panggilan tersebut diterima melalui sistem MERS999, seterusnya Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah menghantar jentera ke lokasi kejadian.

"Setibanya pasukan bomba di lokasi, kami mendapati ia melibatkan kebakaran deretan motosikal lama.

"Kesemua motosikal ini berada dalam depoh penyimpanan kenderaan tersadai milik DBKL," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Kata beliau, kebakaran telah berjaya dipadamkan sepenuhnya dan anggaran kemusnahan adalah 100 peratus.

Menurut beliau, operasi memadam kebakaran melibatkan pasukan operasi daripada Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bandar Tun Razak serta bantuan BBP Cheras bersama dua jentera Fire Rescue Tender (FRT).

Selain itu katanya, jumlah kekuatan pasukan operasi yang terlibat dalam memadam kebakaran itu seramai 10 orang anggota lain-lain pangkat.

Tambahnya lagi, punca kebakaran masih dalam siasatan unit forensik.



Seorang anggota bomba memadam sebahagian motosikal yang terbakar dalam satu kejadian di depoh penyimpanan kenderaan tersadai milik DBKL di Taman Connaught, Kuala Lumpur pada Ahad.